

282

SOALAN NO.509

Purata pengguna seharian MRT aliran SBK bagi bulan Disember pada tahun 2016, iaitu **tiga puluh lapan ribu** (38,000), dan bagi bulan Disember 2017, iaitu **seratus dua puluh enam ribu** (126,000), apabila dibandingkan, ia menunjukkan peningkatan yang ketara, yang kebanyakannya disumbang oleh pembukaan penuh aliran SBK sejak 17 Julai 2017.

Bagi bulan Januari sehingga Februari 2018 pula, purata pengguna seharian MRT kini meningkat kepada **seratus tiga puluh lapan ribu** (138,000) iaitu kenaikan sebanyak **lapan peratus** (8%) dari bulan Disember 2017. Apabila mana-mana mod diperbaharui ataupun dilancarkan, jangka waktu yang diperlukan untuk menstabilkan kadar penggunaan biasanya mengambil masa. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kadar penggunaan MRT masih ada ruang untuk berkembang.

Kini, kadar pencapaian penggunaan MRT dan LRT sejajar dengan pencapaian keseluruhan penggunaan pengangkutan awam darat GKL/KV bagi tahun 2017, yang telah melonjak kepada lebih daripada 1.2 juta penumpang sehari. Peningkatan ini dijangka akan berterusan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (510)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

SOALAN :-

YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah syarikat-syarikat tempatan dan asing yang terlibat dalam pengitaran semula plastik.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang menyediakan Peraturan khusus untuk mengawal selia sisa pepejal perniagaan yang meliputi sektor industri, komersial dan institusi yang turut melibatkan sisa plastik. Melalui pewartaan Peraturan tersebut kelak, penjana sisa sektor perniagaan akan dipertanggungjawabkan untuk mengasingkan sisa dan melantik kontraktor kutipan yang berlesen bagi memastikan data diperolehi dan aliran sisa dapat dikawal sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mempunyai dasar yang jelas berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Melalui Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016, sebarang usaha mana-mana pihak untuk mengitar semula plastik adalah perlu selaras dengan Teras 1 Dasar tersebut iaitu mengurangkan penjanaan sisa pepejal dan

mengoptimumkan penggunaan sumber dan Teras 2 iaitu memastikan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara holistik meliputi perancangan, kutipan, rawatan dan pelupusan. Kementerian menggalakkan sebarang usaha atau langkah-langkah yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak untuk mengitar semula plastik yang tidak mencemarkan alam sekitar serta tidak menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2018